



JABATAN PENERANGAN
MALAYSIA

LAWATAN PAMERAN...Salleh (tengah) melawat pameran pada program berkenaan.

Salleh: Smart Infrastruktur ICT UMS mampu tingkatkan kemahiran digital

NST 21.4.2012 7

KOTA KINABALU: Smart Infrastruktur ICT Universiti Malaysia Sabah (UMS) mampu meningkatkan kemahiran digital warga UMS.

Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), Datuk Salleh Said Keruak berkata

, ia dapat meningkatkan kreativiti, inovasi dan perkongsian maklumat serta mendukung teras perkhidmatan universiti dari aspek pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan serta sokongan dan operasi.

"Ini merupakan sebahagian usaha berterusan kerajaan yang memberi fokus kepada keterangkuman digital seterusnya meningkatkan kualiti perkhidmatan dan merapatkan jurang digital.

"Saya menyambut baik usaha UMS untuk

melaksanakan projek ini yang merupakan kesinambungan dalam menyokong usaha kerajaan memenuhi keperluan pembelajaran dan penyelidikan secara lestari kepada institut pendidikan tinggi awam (IPTA).

"Saya optimis dan yakin bahawa dengan penambahan infrastruktur ICT yang dilakukan in akan dimanfaatkan sebaiknya oleh warga UMS,"katanya pada Majlis Pelancaran Projek Smart Infrastruktur ICT UMS di Dewan Canselor UMS di sini, pagi kelmarin.

Turut hadir, Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Datuk Musbah Jamli, Ketua Pegawai Operasi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Datuk Dr Mazlan Ismail dan Naib Canselor UMS, Datuk Dr D Kamarudin D Mudin.